



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

**Ministry of Agriculture and Food Industries**

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

### KENYATAAN MEDIA

#### MESYUARAT KHAS MAJLIS PENASIHAT PERTANIAN NEGARA

**PUTRAJAYA, 25 MEI 2022** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengadakan satu mesyuarat khas Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee semalam secara hibrid di Wisma Tani, MAFI.

Mesyuarat ini diadakan antara lain untuk mendapatkan pandangan dan cadangan berkaitan isu-isu semasa berkaitan sekuriti makanan negara. Selain itu, langkah-langkah intervensi jangka sederhana dan panjang juga telah dibincangkan bagi merangka hala tuju sektor pertanian dan industri makanan mengikut perkembangan dan keperluan semasa secara menyeluruh dan holistik.

MPPN bertindak sebagai penasihat kepada YB Menteri MAFI dalam mengenal pasti isu-isu khususnya berkaitan sekuriti makanan negara dan menyumbang pandangan serta cadangan yang sesuai bagi memacu hala tuju sektor agromakanan mengikut perkembangan dan keperluan semasa. Keahlian MPPN bagi sesi 2021/2022 terdiri daripada 15 ahli yang merangkumi pemain industri, pakar ekonomi, ahli akademik dan mereka yang mempunyai kepakaran dalam sektor agromakanan seperti berikut:

- 1) YAM Tengku Laksamana Perlis Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail
- 2) YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Jeffrey Cheah
- 3) YBhg. Prof. Datin Paduka Fatimah binti Mohamed Arshad
- 4) YBhg. Tan Sri Francis Lau Tuang Nguang
- 5) YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim
- 6) YBhg. Prof. Datuk Dr. Mad Nasir bin Shamsudin
- 7) YBhg. Datuk Wira Dr. Rais Hussin bin Mohamed Ariff
- 8) YBrs. Prof. Dr. Suhaimi bin Napis
- 9) YBrs. Prof. Dr. Sivamurugan Pandian
- 10) YBrs. Prof. Dr. M Niaz Asadullah
- 11) YBhg. Datuk Raghu Loganathan Pillai
- 12) YBrs. Dr. Yasmin BH Ooi
- 13) YBhg. Datuk Azman Yusoff
- 14) YBhg. Datuk Seri Daljit Singh Dalliwal; dan
- 15) YBhg. Dato' Dr. Hj. Azizan bin Hj. Ab. Rashid

Ahli-Ahli MPPN mengambil maklum langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan baru-baru ini untuk menangani isu sekuriti makanan termasuk pemberian subsidi kepada penternak ayam, pemansuhan Approved Permit (AP) untuk produk agromakanan, pemberhentian eksport ayam dan pelbagai langkah lain. Pada masa yang sama, MPPN juga menyatakan ia perlu disusuli dengan langkah jangka masa sederhana dan panjang bagi mendepani cabaran-cabaran sekuriti makanan negara secara komprehensif.

MAFI akan mengambil tindakan susulan berkaitan segala cadangan dan pandangan yang telah diberikan dalam mesyuarat ini. Sebahagian cadangan termasuk langkah-langkah jangka masa sederhana dan panjang bagi memperkuatkukuhkan sekuriti makanan negara akan dibawa untuk pertimbangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sekuriti Makanan Negara yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Mei 2022.

MAFI akan terus mengadakan perbincangan dan libat urus terbuka dengan semua pihak berkepentingan dalam usaha menghadapi cabaran-cabaran semasa yang mengancam sekuriti makanan negara sekaligus memastikan bekalan makanan negara terus kekal terjamin demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**25 MEI 2022**